

**MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA SEMPENA PERSIDANGAN PARLIMEN
MAHASISWA SESI PERTAMA 2015
27/01/2015**

BALLROOM, HOTEL SERI PASIFIC, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera, Salam
1Malaysia dan Salam Keharmonian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia serta izinNya saya dapat bersama-sama dengan saudara dan saudari sekalian dalam majlis makan malam sempena persidangan parlimen mahasiswa tahun 2015. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) atas kejayaan menganjurkan Persidangan Parlimen Mahasiswa yang julung kali diadakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Parlimen Malaysia.

2. Idea untuk mengadakan Persidangan Parlimen Mahasiswa ini telah dimaklumkan kepada saya oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Presiden MUBARAK ketika Majlis penyerahan buku '100 Wira Negara' di Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013. Saya menyokong penuh idea ini kerana program seumpama ini boleh memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi bagaimana Parlimen berperanan menggubal undang-undang melalui proses perbahasan yang rasional untuk kepentingan rakyat. Alhamdulillah, saya juga difahamkan pihak Parlimen Malaysia dengan hati yang terbuka telah bersama-sama menjayakannya. Malah, kesudian YB Tan Sri Dato' Panglima Pandikar Amin Mulia, Yang Di Pertua Dewan Rakyat untuk menjadi speaker kepada persidangan yang telah berlangsung pada hari ini adalah sesuatu yang amat bersejarah. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada YB Tan Sri Yang Di-Pertua Dewan Rakyat.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

3. Pada hemat saya, program Parlimen Mahasiswa ini memberikan pengalaman yang amat berguna kepada para mahasiswa yang terlibat. Secara tidak langsung program ini memberikan peluang kepada mereka untuk memahami proses perbahasan di Parlimen yang merupakan institusi

penggubalan undang-undang yang tertinggi dalam system demokrasi berparlimen di negara kita. Saya percaya, sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan, pengalaman mengambil bahagian dalam perbahasan Parlimen Mahasiswa memberikan perspektif baharu kepada anda semua dalam memahami bagaimana negara kita ditadbir mengikut lunas-lunas demokrasi dan Perlembagaan negara.

4. Saya juga percaya sepanjang program ini berlangsung semua peserta didedahkan dengan fungsi-fungsi Parlimen sebagai badan legislatif yang merupakan satu daripada tiga cabang pemerintahan di negara kita. Konsep pengasingan kuasa, iaitu antara badan eksekutif, kehakiman dan legislatif, merupakan satu daripada teras utama yang menjamin kelicinan perjalanan pentadbiran negara. Dengan menyertai program ini, saya berharap para mahasiswa dan mahasiswi dapat memahami dengan lebih mendalam proses dan amalan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara kita. Saya berkeyakinan bahawa aktiviti sebegini dapat dipergunakan sebaik mungkin oleh mahasiswa dan mahasiswi dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar di universiti masing-masing dan seterusnya menjadi pemimpin muda yang berkaliber setelah tamat pengajian nanti.

5. Program Parlimen Mahasiswa ini bukanlah suatu perkara baharu. Banyak negara luar seperti Britain, Sweden, Australia dan negara-negara lain di Eropah telah pun melaksanakannya. Program ini boleh dimanfaatkan sepenuhnya sebagai platform untuk mendidik dan melahirkan generasi pemimpin pelapis yang menghormati perundangan negara terutamanya Perlembagaan. Selain dapat melatih mahasiswa dan mahasiswi dengan pelbagai kemahiran seperti kaedah berbahas yang berhemah dan membincangkan pelbagai usul dengan rasional, program seperti ini juga mampu memberikan ruang dan peluang kepada para mahasiswa dan mahasiswi untuk menyuarakan idea dan pandangan masing-masing dalam nada yang bersopan dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Ini juga secara tidak langsung dapat membentuk dan melahirkan generasi mahasiswa yang bersahsiah dan berhemah tinggi yang amat diperlukan sebagai pemimpin masa hadapan.

6. Dalam konteks komunikasi pula, saya percaya program Parlimen Mahasiswa ini telah mendedahkan para peserta dengan kemahiran berkomunikasi mengikut pelbagai dimensi dan perspektif, selain petah berhujah, berterus terang, telus dan berbudi bahasa dalam menyuarakan pendapat. Tatacara perbahasan di Parlimen yang mementingkan adab dan tatasusila dalam berbahas boleh diaplikasikan dalam kehidupan para mahasiswa di universiti,

terutamanya dalam membincangkan isu-isu semasa samada di dalam kuliah mahupun menerusi media sosial. Para mahasiswa dan mahasiswi yang telah terpilih mengikuti program ini boleh menjadi contoh dan teladan yang baik kepada rakan-rakan yang lain tentang bagaimana untuk menyuarakan pandangan secara berhemah dan beradab.

7. Sesungguhnya, kebebasan bersuara dan berkomunikasi dalam sebuah negara demokrasi tidak bermakna setiap individu bebas untuk menyuarakan apa sahaja tanpa mengambilkira batas-batas kesopanan dan tatasusila yang menjamin kerukunan hidup dalam sebuah masyarakat yang bertamadun. Dalam konteks negara kita, kebebasan bersuara ada had dan batasnya yang perlu dipelihara agar tidak mengganggu-gugat ketenteraman negara yang mempunyai kepelbagaian kaum, bangsa dan agama. Jadikanlah lunas undang-undang yang telah termaktub di dalam Perlembagaan sebagai panduan dalam berhujjah dan bertindak.

8. Saya juga berharap agar program Parlimen Mahasiswa yang dianjurkan ini telah dapat mendedahkan kepada para mahasiswa tentang peranan dan tanggungjawab Ahli-Ahli Parlimen di negara kita. Mereka yang bergelar Ahli-Ahli Yang Berhormat ini bukan sahaja bertindak sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat di kawasan masing-masing, tetapi juga berperanan sebagai legislator atau penggubal undang-undang yang membahaskan pelbagai rang undang-undang dan usul-usul yang dibentangkan di Parlimen. Jika saudara-saudari para mahasiswa dan mahasiswi sekalian berhasrat untuk menjadi seorang Ahli Parlimen pada suatu masa nanti, maka peranan anda sebagai legislator atau penggubal undang-undang yang berpengetahuan adalah amat kritikal dalam menentukan keberkesanan perkhidmatan anda sebagai Ahli Parlimen pada masa hadapan. Justeru, nasihat saya timbalah sebanyak mungkin ilmu pengetahuan semasa berada di universiti dengan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran di samping mengasah bakat kepimpinan menerusi aktiviti-aktiviti mahasiswa dan kemasyarakatan yang dianjurkan oleh pihak universiti.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

9. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menganjurkan program Parlimen Mahasiswa ini, khususnya kepada YBhg Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Presiden MUBARAK yang merupakan pencetus idea serta penggerak utama program ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada pegawai-

pegawai dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Parlimen Malaysia, Bahagian Pembangunan Mahasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia, Unit Hal Ehwal Parlimen KPM, IPTA yang mengambil bahagian dan semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha untuk menjayakan program ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua mahasiswa dan mahasiswi yang menyertai program Parlimen Mahasiswa pada kali ini. Berdasarkan kejayaan penganjuran program Parlimen Mahasiswa 2015, saya berharap agar program ini dapat diteruskan pada masa hadapan. Mudah-mudahan penyertaan anda dalam program ini telah memberikan pengalaman yang amat berguna kepada anda semua.

Wabillahi al-taufiq wa al-hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wabarakatuh.